



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Pemetaan Hierarki Keperluan Maslow dan Kelangsungan Ekonomi dalam Masyarakat Menua di Malaysia: Satu Analisis Konseptual *Mapping Maslow's Hierarchy of Needs and Economic Sustainability in an Aging Society in Malaysia: A Conceptual Analysis*

Noor Akma Abdul Rashid^{1,*}, Mohd Burhan Yusof¹, Nour Azira Nazeri¹

¹ Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai, Jln Permatang Pauh, 13500 Pulau Pinang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 21 April 2026

Received in revised form 18 May 2026

Accepted 10 June 2026

Available online 6 July 2026

ABSTRACT

Malaysia sebenarnya sedang berhadapan dengan trend penuaan penduduk dan penurunan kadar kelahiran. Oleh itu, kertas teoritikal ini akan meneliti hubungan antara Hierarki Keperluan yang diperkenalkan oleh Maslow dengan kelangsungan ekonomi dalam kalangan masyarakat Malaysia yang semakin menua. Peningkatan peratusan penduduk berusia di Malaysia menimbulkan masalah sosioekonomi yang serius apabila negara menuju status negara menua. Golongan warga emas berdepan dengan ketidakjaminan kewangan, akses yang semakin terhad kepada perkhidmatan kesihatan, serta kemerosotan sistem sokongan sosial. Dengan menggunakan teori motivasi manusia Maslow sebagai kerangka teoritikal, kertas ini mengkaji bagaimana warga emas di Malaysia menangani pelbagai peringkat keperluan manusia, bermula daripada keperluan asas untuk kelangsungan hidup hingga kepada pencapaian aktualisasi diri dalam keadaan ekonomi yang rapuh. Perbincangan turut menegaskan bahawa konsep kelangsungan hidup dalam kalangan warga emas perlu dilihat bukan sahaja dari sudut material, tetapi juga dari dimensi psikologi, sosial, dan emosi. Kertas ini mengemukakan hujah dengan menggabungkan secara konseptual bidang psikologi, sosiologi, dan ekonomi, serta mencadangkan bahawa dasar kebangsaan berkaitan penuaan dan dasar ekonomi perlu selaras dengan kerangka motivasi manusia bagi memastikan kelestarian kesejahteraan dan maruah sosial dalam kalangan warga emas di Malaysia.

Malaysia is actually facing an aging population and a declining birth rate. Therefore, this theoretical paper will examine the relationship between the Hierarchy of Needs introduced by Maslow and economic sustainability among the aging Malaysian society. The increasing percentage of the elderly population in Malaysia poses serious socioeconomic problems as the country moves towards the status of an aging nation. The elderly face financial insecurity, increasingly limited access to health services, and a deteriorating social support system. Using Maslow's theory of human motivation as a theoretical framework, this paper examines how the elderly in Malaysia address various

* Corresponding author.

E-mail address: noorakma@psp.edu.my

Keywords:

Maslow; penuaan; ekonomi

Maslow; aging; economy

levels of human needs, starting from the basic needs for survival to the achievement of self-actualization in a fragile economic situation. The discussion also emphasizes that the concept of survival among the elderly needs to be viewed not only from a material perspective, but also from psychological, social, and emotional dimensions. This paper presents an argument by conceptually combining the fields of psychology, sociology, and economics, and suggests that national policies on aging and economic policies need to be consistent with the framework of human motivation to ensure the sustainability of well-being and social dignity among the elderly in Malaysia.

1. Pengenalan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengklasifikasikan penuaan penduduk kepada tiga tahap, iaitu masyarakat menua, masyarakat tua dan masyarakat sangat tua, di mana individu berumur 65 tahun ke atas masing-masing mewakili 7%, 14% dan 20% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Secara global, populasi individu berumur lebih 60 tahun telah meningkat kepada 962 juta, jauh melebihi jumlah yang direkodkan pada tahun 1980. Jumlah ini dijangka terus meningkat kepada kira-kira 2.1 bilion menjelang tahun 2050. Menariknya, hampir dua pertiga daripada populasi warga emas dunia berada di negara-negara membangun, di mana kadar peningkatan golongan ini adalah lebih tinggi berbanding negara maju [1].

Trend ini merupakan fenomena sejagat yang menunjukkan peningkatan berterusan dalam populasi warga emas, yang sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan jangka hayat. Jangka hayat, iaitu purata bilangan tahun seseorang dijangka hidup, telah menunjukkan peningkatan yang konsisten. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa purata jangka hayat global meningkat daripada 66.8 tahun pada tahun 2000 kepada 73.4 tahun pada tahun 2019 [2].

Trend populasi global ini turut tercermin di Malaysia, di mana negara telah mengalami perubahan ketara melalui peningkatan berterusan dalam populasi berumur 60 tahun ke atas. Data statistik menunjukkan peningkatan stabil dalam jangka hayat rakyat Malaysia sepanjang dekad yang lalu, daripada purata 74.44 tahun pada 2010 kepada 75.94 tahun pada 2020 [4]. Sehubungan itu, sebagai pemegang amanah dan pembuat dasar negara, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan serta menilai semula dasar dan strategi sedia ada bagi menghadapi cabaran yang semakin meningkat akibat penuaan penduduk.

Proses penuaan tidak seharusnya dilihat sebagai pengakhiran kehidupan yang produktif dan bermakna, sebaliknya sebagai satu fasa baharu di mana individu terus memainkan peranan dalam masyarakat, walaupun memerlukan sokongan sosial, ekonomi dan kesihatan yang sewajarnya bagi mengekalkan kualiti hidup. Apabila manusia meningkat usia, mereka lazimnya berdepan dengan pelbagai cabaran yang memberi kesan besar terhadap kehidupan, termasuk kemerosotan keadaan fizikal, penurunan mobiliti, masalah kesihatan, serta kecenderungan yang semakin rendah untuk menyertai tenaga kerja, sekali gus menjejaskan keupayaan menjana pendapatan [5].

Keadaan ini menyebabkan kebanyakan warga emas bergantung kepada pencen, simpanan atau sokongan ahli keluarga untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan. Tambahan pula, peningkatan kos kesihatan dan kos sara hidup yang semakin tinggi menambah beban kewangan kepada warga emas dan keluarga mereka, khususnya apabila mereka tidak mempunyai perlindungan sosial atau manfaat persaraan yang mencukupi.

Akhir sekali, isu gelandangan dalam kalangan warga emas juga merupakan masalah yang semakin membimbangkan dan menonjolkan kepentingan kelangsungan ekonomi [6]. Golongan ini tergolong antara kumpulan paling rentan dalam masyarakat, khususnya mereka yang tidak mempunyai kekuatan kewangan. Ketiadaan pendapatan, simpanan atau akses kepada perumahan mampu milik meningkatkan risiko kehilangan tempat tinggal atau hidup dalam keadaan yang tidak selamat dan

tidak stabil. Masalah ini semakin ketara di Malaysia berikutan peningkatan jumlah warga emas, sedangkan jaringan keselamatan sosial masih terhad.

Gelandangan dalam kalangan warga emas bukan sahaja mencerminkan kekurangan ekonomi, tetapi juga kelemahan sokongan sosial secara keseluruhan, di mana ketidakjaminan ekonomi membawa kepada penderitaan fizikal dan emosi. Keadaan kesihatan mereka mudah merosot akibat kekurangan nutrisi, ketiadaan rawatan perubatan, serta pendedahan kepada persekitaran yang mencabar. Ketiadaan tempat tinggal yang stabil juga meningkatkan risiko jenayah, pengasingan sosial dan tekanan mental. Situasi ini menegaskan bahawa kelangsungan ekonomi bukan sekadar berkaitan pengurusan kewangan, tetapi turut melibatkan pemeliharaan maruah, keselamatan dan kualiti hidup. Pendapatan yang stabil serta akses kepada perumahan mampu milik dapat mengurangkan risiko gelandangan dan membolehkan warga emas hidup secara berdikari, selamat dan bermakna dalam komuniti masing-masing.

Sehubungan itu, Hierarki Keperluan Maslow sebagai alat konseptual merupakan kerangka yang relevan dan berkesan untuk memahami isu kelangsungan ekonomi dalam kalangan masyarakat Malaysia yang menua. Ia membantu menjelaskan bagaimana keselamatan kewangan menyokong semua peringkat kesejahteraan manusia, daripada keperluan fisiologi asas hingga kepada pencapaian aktualisasi diri. Bagi warga emas, keupayaan memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan menjadi asas kepada pemenuhan keperluan keselamatan, hubungan sosial, penghargaan diri dan akhirnya pencarian makna hidup pada usia lanjut.

Melalui penerapan Hierarki Maslow, isu ini tidak lagi dilihat semata-mata sebagai masalah ekonomi, tetapi sebagai pengalaman manusia yang bersifat multidimensi, di mana kegagalan memenuhi keperluan material turut menjejaskan kesejahteraan emosi dan mental. Oleh itu, pendekatan berasaskan kerangka Maslow memperjelaskan bahawa kelangsungan ekonomi warga emas adalah penting bagi mengekalkan maruah, kestabilan dan peranan bermakna dalam masyarakat, sekali gus menegaskan bahawa kesejahteraan golongan ini bukan sahaja tanggungjawab sosial, tetapi juga suatu keperluan moral.

2. Latar Belakang Konseptual dan Teoretikal

Tahap	Keperluan Maslow	Kelangsungan Ekonomi
 Fisiologi	Makanan, tempat tinggal, kesihatan asas	Kos sara hidup, perumahan
 Keselamatan	Kewangan, kesihatan, perlindungan sosial	Pendapatan, pencen, simpanan
 Kasih Sayang & Kekitaan	Keluarga, komuniti, sokongan sosial	Sokongan keluarga
 Penghargaan	Harga diri, pengiktirafan, produktiviti warga emas	Komuniti
 Aktualisasi Diri	Makna hidup, kerohanian, sumbangan masyarakat	Dasar awam

Rajah 1. Pemetaan Hierarki Keperluan Maslow dan kelangsungan ekonomi

Hierarki Keperluan oleh Abraham Maslow, satu teori penting dalam psikologi humanistik, mengemukakan perkembangan berstruktur motivasi manusia, bermula daripada keperluan fisiologi asas hingga kepada pencapaian tertinggi iaitu aktualisasi diri [7]. Teori ini diperkenalkan dalam karya beliau pada tahun 1943 bertajuk “A Theory of Human Motivation”, yang menghuraikan lima peringkat keperluan manusia dalam bentuk piramid, dengan keperluan asas sebagai asas dan keperluan pemenuhan diri di puncak [8]. Maslow berpendapat bahawa individu perlu memenuhi keperluan pada peringkat rendah terlebih dahulu sebelum bergerak ke peringkat yang lebih tinggi, yang seterusnya mempengaruhi tingkah laku dan kesejahteraan psikologi mereka [9].

Seperti yang digambarkan dalam rajah, model ini disusun secara menegak daripada bawah ke atas, bermula dengan keperluan fisiologi, diikuti keperluan keselamatan, kasih sayang dan rasa memiliki, penghargaan, dan akhirnya aktualisasi diri di bahagian paling atas. Setiap lapisan dalam rajah tersebut menunjukkan bahawa pemenuhan keperluan adalah bertingkat dan saling bergantung antara satu sama lain. Keperluan fisiologi merangkumi asas kehidupan seperti makanan dan tempat tinggal, diikuti oleh keperluan keselamatan yang melibatkan perlindungan diri dan kestabilan kewangan [10]. Seterusnya ialah keperluan kasih sayang dan rasa memiliki, yang mencerminkan keperluan hubungan sosial, diikuti keperluan penghargaan yang melibatkan pengiktirafan dan harga diri [11]. Peringkat tertinggi ialah aktualisasi diri, iaitu usaha mencapai potensi penuh dan pertumbuhan peribadi [12,10].

Berdasarkan rajah Hierarki Maslow dan Kelangsungan Ekonomi, kerangka ini telah disesuaikan dalam bentuk model berasaskan lima **lapisan keperluan utama** yang menyokong kesejahteraan warga emas, dengan kelangsungan ekonomi sebagai asas yang mengukuhkan keseluruhan struktur. Berbeza dengan piramid tradisional, rajah ini menekankan bahawa setiap tahap keperluan berfungsi sebagai komponen yang saling menyokong, dan kestabilannya bergantung kepada kekuatan sokongan ekonomi dan sosial. Lapisan pertama, iaitu keperluan fisiologi, merupakan asas utama yang terletak di bahagian paling bawah struktur [13]. Dalam konteks rajah, ia berfungsi sebagai asas yang menyokong keseluruhan model. Bagi warga emas, keperluan ini merangkumi akses kepada makanan berkhasiat, tempat tinggal yang selamat, pakaian, rehat dan perkhidmatan kesihatan [14]. Kelemahan pada tahap ini akan melemahkan keseluruhan struktur, sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah apabila asas tidak kukuh akan menjejaskan lapisan keperluan lain.

Lapisan kedua ialah keperluan keselamatan, yang digambarkan sebagai komponen sokongan kedua yang mengukuhkan kestabilan struktur [15]. Ia merangkumi keselamatan fizikal, kewangan dan jaminan masa depan. Dalam konteks Malaysia, kekurangan pendapatan tetap dan perlindungan sosial menyebabkan ramai warga emas berada dalam keadaan tidak stabil. Oleh itu, seperti yang ditunjukkan dalam model, elemen keselamatan memerlukan sokongan dasar seperti pencen, perlindungan sosial dan literasi kewangan bagi memastikan struktur kekal kukuh [16].

Lapisan ketiga ialah keperluan kasih sayang dan rasa memiliki, yang berada di bahagian pertengahan struktur sebagai penghubung antara keperluan asas dan keperluan psikologi yang lebih tinggi. Ia menekankan peranan hubungan kekeluargaan dan komuniti dalam menyokong kesejahteraan warga emas. Sokongan emosi dan sosial ini bertindak sebagai “pengikat” dalam model, memastikan keseimbangan antara aspek ekonomi dan kesejahteraan psikologi [17].

Lapisan keempat ialah keperluan penghargaan, yang dilambangkan sebagai lapisan yang semakin hampir ke puncak, menunjukkan peningkatan ke arah pemenuhan diri. Ia melibatkan pengiktirafan, rasa hormat dan harga diri, yang berkait rapat dengan kebebasan ekonomi dan penglibatan sosial. Dalam model tersebut, keperluan ini memperkukuh struktur dengan memberi makna kepada sumbangan warga emas dalam masyarakat [18].

Lapisan kelima ialah aktualisasi diri, yang terletak di bahagian paling atas rajah sebagai puncak struktur. Ia melambangkan pencapaian tertinggi dalam kehidupan, termasuk pembangunan diri,

kerohanian dan sumbangan kepada masyarakat. Dalam rajah, puncak ini hanya dapat dicapai apabila semua lapisan di bawahnya kukuh dan seimbang, menunjukkan bahawa kelangsungan ekonomi memainkan peranan penting dalam membolehkan warga emas mencapai kepuasan hidup yang menyeluruh [12].

Secara keseluruhan, rajah tersebut menekankan bahawa kelangsungan ekonomi bertindak sebagai asas dan pengikat kepada semua peringkat keperluan. Struktur berlapis ini menunjukkan bahawa setiap dimensi saling bergantung; kelemahan pada satu bahagian akan menjejaskan keseluruhan keseimbangan. Model ini juga menggambarkan peranan masyarakat dan dasar awam sebagai “sokongan pelindung” yang memastikan semua keperluan dapat dipenuhi secara holistik.

Kesimpulannya, penyesuaian Hierarki Keperluan Maslow dalam rajah ini memperlihatkan bahawa kelangsungan ekonomi warga emas bukan sekadar isu kewangan, tetapi merupakan struktur menyeluruh yang merangkumi dimensi fizikal, psikologi dan sosial. Dengan mengekalkan keseimbangan antara semua lapisan ini melalui sokongan dasar, keluarga dan komuniti, warga emas dapat mencapai kesejahteraan hidup yang lebih bermakna, selari dengan prinsip penuaan aktif dan bermaruah.

3. Perbincangan: Implikasi Dasar, Ekonomi dan Sosial

Menggunakan kerangka Maslow sebagai contoh dalam konteks masyarakat menua di Malaysia menekankan keperluan kepada langkah dasar yang diselaraskan dan holistik. Kelangsungan ekonomi tidak seharusnya hanya tertumpu kepada pemeliharaan pendapatan atau pemberian pencen semata-mata. Sebaliknya, ia perlu merangkumi akses kepada kesihatan, kesihatan mental, serta penglibatan aktif dalam kehidupan komuniti. Sistem sedia ada oleh kerajaan seperti **Dasar Warga Emas Negara [19]** menjadi asas penting, namun ia perlu diperluaskan agar meliputi keseluruhan dimensi keperluan manusia.

Dari sudut ekonomi, dasar penuaan mampan perlu mengambil kira kecukupan pendapatan persaraan serta fleksibiliti pekerjaan. Kebanyakan warga emas di Malaysia masih berkeupayaan dan berminat untuk bekerja melepasi usia persaraan rasmi, sama ada secara separuh masa atau dalam sektor tidak formal. Peluang pekerjaan selepas persaraan serta latihan kemahiran sepanjang hayat bukan sahaja meningkatkan keselamatan kewangan, tetapi juga memenuhi keperluan psikologi yang lebih tinggi seperti penghargaannya dan aktualisasi diri.

Dari sudut sosial pula, Malaysia perlu memupuk solidariti antara generasi bagi mengurangkan kesunyian serta menggalakkan penuaan yang inklusif. Persepsi terhadap kebergantungan perlu diubah kepada pendekatan pemerkasaan melalui kempen kesedaran yang menekankan nilai hormat dan empati terhadap warga emas. Di peringkat institusi, hierarki Maslow wajar diintegrasikan dalam proses perumusan dasar bagi memastikan pembangunan ekonomi yang berteraskan manusia. Pembaharuan sistem perlindungan sosial, reka bentuk perkhidmatan kesihatan, serta program pemerkasaan warga emas perlu berpaksikan teori kesejahteraan dan motivasi manusia. Apabila ditafsirkan melalui kerangka Maslow, kelangsungan ekonomi bukan lagi sekadar isu kewangan, tetapi menjadi proses holistik yang merangkumi maruah, autonomi dan tujuan hidup dalam kalangan warga emas.

4. Implikasi terhadap Penyelidikan dan Amalan

Hubungan teoretikal antara hierarki keperluan Maslow dan kelangsungan ekonomi menyediakan panduan penting untuk penyelidikan empirikal pada masa hadapan. Para sarjana boleh menganalisis sejauh mana setiap tahap keperluan dipenuhi dalam kalangan pelbagai kumpulan warga emas di

Malaysia berdasarkan faktor seperti pendapatan, lokasi tempat tinggal, dan jantina. Kajian longitudinal juga boleh dijalankan bagi meneliti pengaruh perubahan status ekonomi terhadap motivasi dan kesejahteraan pada peringkat usia lanjut.

Selain itu, perbandingan dengan negara-negara ASEAN yang lain dapat mengenal pasti perbezaan pengalaman penuaan dari sudut budaya serta strategi daya tindak yang digunakan. Dari segi amalan, model ini boleh dimanfaatkan oleh pembuat dasar dan pengamal dalam merangka program kebajikan warga emas yang bukan sahaja memenuhi keperluan material, tetapi juga keperluan psikologi.

Sebagai contoh, program pekerjaan untuk warga emas boleh menggabungkan ganjaran kewangan bersama aktiviti sosial komuniti supaya keperluan penghargaan dan rasa memiliki dapat dipenuhi secara serentak. Di samping itu, aspek kesihatan mental juga boleh diintegrasikan dalam perkhidmatan kesihatan bagi menangani isu seperti kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan warga emas. Pendekatan yang bersifat multidimensi ini akan memastikan dasar negara selaras dengan faktor pendorong yang diuraikan dalam hierarki keperluan Maslow, sekali gus menyokong kesejahteraan menyeluruh dalam kalangan masyarakat menua.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Hierarki Keperluan Maslow merupakan satu kerangka teori yang jelas dan sistematik dalam menjelaskan motivasi manusia yang berkembang secara berperingkat daripada keperluan asas fisiologi hingga ke peringkat tertinggi iaitu aktualisasi diri. Setiap peringkat keperluan adalah saling berkait dan hanya dapat dipenuhi apabila keperluan pada tahap yang lebih rendah telah dipenuhi terlebih dahulu, sekali gus mempengaruhi kesejahteraan fizikal, psikologi dan sosial individu.

Dalam konteks masyarakat menua di Malaysia, kerangka ini telah disesuaikan dengan menekankan kelangsungan ekonomi sebagai asas utama yang menyokong keseluruhan lima lapisan keperluan. Keperluan fisiologi dan keselamatan membentuk asas kelangsungan hidup, manakala keperluan kasih sayang, penghargaan dan aktualisasi diri pula mencerminkan dimensi psikososial yang lebih tinggi dalam kehidupan warga emas. Setiap lapisan ini saling bergantung antara satu sama lain, di mana kelemahan pada satu tahap akan menjejaskan kesejahteraan keseluruhan.

Selain itu, sokongan daripada dasar awam, institusi keluarga dan komuniti memainkan peranan penting sebagai mekanisme pengukuhan kepada struktur keperluan ini. Ia bukan sahaja memastikan keperluan asas warga emas dipenuhi, tetapi juga membantu mereka mencapai kehidupan yang lebih bermakna, bermaruah dan seimbang dari segi emosi serta sosial.

Kesimpulannya, kelangsungan ekonomi dalam kalangan warga emas tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu kewangan, tetapi sebagai satu proses holistik yang merangkumi dimensi fizikal, psikologi dan sosial. Oleh itu, pendekatan berasaskan Hierarki Keperluan Maslow ini menegaskan kepentingan dasar dan intervensi yang menyeluruh bagi memastikan penuaan yang aktif, sejahtera dan bermaruah dalam masyarakat Malaysia.

Rujukan

- [1] AZHAR, NURLIYANA, and AZIZAN OMAR. "Aging workforce in Malaysia: Navigating challenges and shaping policies." *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 6, no. 2 (2025): 226-236. <https://doi.org/10.55197/qjssh.v6i2.615>
- [2] Shaari, Mohd Shahidan, Abdul Hayy Haziq Mohamad, Miguel Angel Esquivias, Temitayo B. Majekodunmi, Amri Sulong, and Wen Chiat Lee. "The non-linear relationship between green technology and life

- pexpectancy."
- Environmental and Sustainability Indicators*
- (2025): 100870.
-
- <https://doi.org/10.1016/j.indic.2025.100870>
- [3] Maslow's Hierarchy of Needs. (2012). In *SpringerReference*. https://doi.org/10.1007/springerreference_180253
- [4] Sulong, Amri, Mohd Shahidan Shaari, and Abdul Ekmal Danial Abdul Halim. "The impact of green technology and health expenditure on life expectancy in Malaysia." *Journal of Techno-Social* 16, no. 1 (2024): 95-102.
<https://doi.org/10.30880/jts.2024.16.01.008>
- [5] Alodhialah, Abdulaziz M., Ashwaq A. Almutairi, and Mohammed Almutairi. "Physical inactivity and cardiovascular health in aging populations: epidemiological evidence and policy implications from Riyadh, Saudi Arabia." *Life* 15, no. 3 (2025): 347. <https://doi.org/10.3390/life15030347>
- [6] Van Berkum, Amy, Abe Oudshoorn, and Anna Garnett. "A systems approach to homelessness prevention for older adults." *The Gerontologist* 65, no. 6 (2025): gnaf087. <https://doi.org/10.1093/geront/gnaf087>
- [7] Huang, Wanyin. "An Exploration of Needs within Maslow's Hierarchy of Motivation." *Advances in Social Behavior Research* 14 (2024): 41-44. <https://doi.org/10.54254/2753-7102/2024.19284>
- [8] Kunelaki, Remziye. "The experience of gay christian men attending collaborative workshops facilitated by a sexual health professional and the church." *The Journal of Sexual Medicine* 19, no. 11 (2022): S107.
<https://doi.org/10.1016/j.jsxm.2022.10.084>
- [9] DSNc, Mary Terhaar. "Using Maslow's pyramid and the National Database of Nursing Quality Indicators (TM) to attain a healthier work environment." *Online Journal of Issues in Nursing* 16, no. 1 (2010): A1.
<https://doi.org/10.3912/ojin.vol16no01ppt05>
- [10] Zheng, Zheng, Simeng Gu, Yu Lei, Shanshan Lu, Wei Wang, Yang Li, and Fushun Wang. "Safety needs mediate stressful events induced mental disorders." *Neural plasticity* 2016, no. 1 (2016): 8058093.
<https://doi.org/10.1155/2016/8058093>
- [11] Pákozdi, Márta, and György Bárdos. "A new military hierarchy of needs model." *Social Sciences* 11, no. 5 (2022): 217. <https://doi.org/10.3390/socsci11050217>
- [12] Wiliasih, Ranti, Hermanto Siregar, Tony Irawan, and Irfan Syauqi Beik. "Happiness in Islam and Influencing Factors (SLR Approach)." *AL-MUZARA'AH-Journal of Islamic Economics & Finance* 12, no. 1 (2024).
<https://doi.org/10.29244/jam.12.1.137-157>
- [13] Erdoğan, E. G., & Mersin, e. (2025). The Relationship Between the Level of Satisfaction of Maslow's Hierarchy of Needs and Loneliness, Happiness and Life Satisfaction in Elderly Individuals. *Journal of Clinical Nursing*, 1-21.
<https://doi.org/10.1111/jocn.17759>
- [14] Yuan, Rong, Chuhong Luo, Qian Liu, Xizhao Li, and Ying He. "Exploring the needs of older adults for social assistive robots: A qualitative analysis based on Maslow's hierarchy of needs." *Geriatric Nursing* 66 (2025): 103616.
<https://doi.org/10.1016/j.gerinurse.2025.103616>
- [15] Qutishat, Mohammed. "Challenges in the application of Maslow's hierarchy of needs for children living in Gaza amid ongoing conflict started in October 2023." *Middle East Current Psychiatry* 32, no. 1 (2025): 11.
<https://doi.org/10.1186/s43045-025-00506-0>
- [16] ROSLAN, MOHAMMED NUR IRFAN MOHAMMED, N. O. R. H. A. N. A. ABD RAHIM, YUMN SUHAYLAH YUSOFF, and HISHAMUDDIN ABDUL WAHAB. "FACTORS AFFECTING PUBLIC PENSION BENEFITS IN MALAYSIA: A SYSTEMATIC REVIEW." *Journal of Sustainability Science and Management* 20, no. 9 (2025): 1973-1986.
- [17] Salovey, Peter, Alexander J. Rothman, Jerusha B. Detweiler, and Wayne T. Steward. "Emotional states and physical health." *American psychologist* 55, no. 1 (2000): 110. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1037/0003-066X.55.1.110>
- [18] Mousa, Mohamed, Ahmad Arslan, and Saeed Pahlevan Sharif. "Senior entrepreneurship in economically constrained contexts: a qualitative exploration." *Journal of Entrepreneurship and Public Policy* 14, no. 2 (2025): 376-393.
<https://doi.org/10.1108/JEPP-08-2024-0147>
- [19] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2011) Dasar Warga Emas Negara. Tersedia di: https://www.kpwkm.gov.my/ebook/php/view_doc.php?subfolder=&doc=file_20250105165538.pdf&bg=#page=1